

SULIT



PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK SPM 2012

1249/1

SEJARAH

Kertas 1
Ogos
1 jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*

[Lihat halaman sebelah]

SULIT

1 Maklumat berikut berkaitan dengan kajian ahli arkeologi

Tinggalan seperti struktur bangunan dan lubang sampah yang tidak dapat diubah.

Apakah kajian tersebut?

- A Artifik
- B Ekofak
- C Feature
- D Binaan

2 Apakah faktor yang mendorong masyarakat Zaman Neolitik menjalankan sistem barter?

- A Pengenalan teknologi baru
- B Penggunaan peralatan daripada logam
- C Penggunaan alatan batu yang dilicinkan
- D Penghasilan makanan melebihi keperluan

3

- Rumah berhala untuk Dewi Athena
- Dibina pada zaman pemerintahan Pericles

Maklumat di atas merujuk kepada binaan

- A Pantheon
- B Acropolis
- C Parthenon
- D Colloseum

4 Mengapakah bidang berikut diberi penekanan dalam pendidikan di Sparta?

- Latihan fizikal
- Kemahiran bersenjata

- A Melahirkan warganegara tentera yang kuat
- B Melahirkan pemimpin yang berkualiter
- C Melahirkan warganegara yang rajin
- D Melahirkan individu yang seimbang

- 5 Sebagai kerajaan maritim terulung di Asia Tenggara, Srivijaya memiliki bala tentera laut yang besar. Apakah fungsi angkatan tentera laut tersebut?
- I Mengawal perdagangan di Selat Melaka
II Menjaga keselamatan kerajaan
III Mengawal sistem cukai di pelabuhan
IV Menguruskan barang di gudang
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 6 Apakah faktor Funan berkembang daripada kerajaan agraria menjadi kerajaan maritim?
- A Mempunyai kemudahan pelabuhan
B Mempunyai kemudahan pengairan
C Mempunyai pemimpin berwibawa
D Mempunyai penduduk yang ramai
- 7 Apakah peristiwa yang menamatkan Zaman Jahiliah di Semenanjung Tanah Arab?
- A Nabi Muhammad s.a.w wafat
B Nabi Muhammad s.a.w dilahirkan
C Nabi Muhammad s.a.w menerima wahyu
D Nabi Muhammad s.a.w berhijrah ke Madinah
- 8 Wahyu kedua yang diturunkan kepada Nabi Muhammad s.a.w ialah Surah al-Muddasir, ayat 1 – 7. Apakah isi kandungan utama wahyu tersebut?
- A Arahan untuk menyampaikan ajaran Islam
B Arahan untuk berhijrah ke Madinah
C Arahan untuk membina masjid
D Arahan berhijrah ke Habsyah
- 9 Mengapa masyarakat Arab Madinah sangat berharap agar Nabi Muhammad s.a.w berhijrah ke Madinah?
- A Mendamaikan penduduk Madinah yang bersengketa
B Memerangi orang Yahudi yang memusuhi orang Arab
C Membantu meningkatkan ekonomi penduduk Madinah
D Membina masjid yang pertama di Madinah
- 10 Mengapa para sahabat Nabi Muhammad s.a.w tidak dapat menerima beberapa perkara dalam Perjanjian Hudaibiyyah?
- A Nabi Muhammad telah ditipu dalam perjanjian tersebut
B Perjanjian itu dianggap menguntungkan pihak Arab Quraisy
C Para sahabat tetap mahu mengerjakan umrah pada tahun tersebut
D Marah terhadap layanan buruk Arab Quraisy terhadap Uthman bin Affan

11 Maklumat berikut berkaitan dengan Hulagu Khan (1217-1265)

- Pengasas kerajaan Ilkhan di Iran dan cucu kepada Genghiz Khan
- Mengusir Khalifah al-Musta'sim dari Baghdad
- Menakluk sementara barat Syria yang dikuasai kerajaan Mamluk

Apakah peristiwa penting dalam hidup Hulagu Khan sebelum meninggal dunia?

- A Menterjemahkan karya Islam
- B Memeluk agama Islam
- C Menguasai kerajaan Sepanyol
- D Menyerang negara-negara Eropah

12

Zaman kerajaan Islam Madinah terutamanya selepas kewafatan Nabi Muhammad s.a.w. memberikan banyak pengajaran kepada manusia hari ini.

Apakah pengajaran tersebut?

- A Kepentingan memamerkan kebebasan
- B Keperluan menunjukkan kuasa
- C Kepentingan perpaduan umat
- D Menghapuskan semua penentangan

13

Islam lebih cepat tersebar apabila pedagang yang berdakwah mengamalkan sikap *mahmudah*.

Apakah maksud *mahmudah*?

- A Sifat lemah lembut
- B Sifat suka berbincang
- C Sifat amanah
- D Sifat mengasingkan diri

14

Hasil kesusastraan Melayu turut tepengaruh dengan gaya dan tatabahasa Arab. Fungsinya telah berubah, iaitu daripada berhibur kepada tujuan lain.

Apakah tujuan lain tersebut?

- A Bersantai
- B Bersukaria
- C Menterjemah
- D Mengkritik

15

Diat merupakan satu hukuman di dalam undang-undang Islam yang berbentuk denda atau ganti rugi berupa harta.

Siapakah yang dikenakan hukuman tersebut?

- A Pencuri yang mencuri sedikit harta
- B Pencuri yang mencuri banyak harta
- C Pembunuh tanpa sengaja
- D Pembunuh dengan sengaja

16

Masjid merupakan seni bina yang sangat menonjol di kalangan masyarakat Melayu dan menjadi tempat terbaik untuk bersolat.

Apakah kepentingan lain masjid selain bersolat?

- A Bersukan
- B Perkembangan ilmu
- C Dewan Peperiksaan
- D Beriadah

17

Viking

- Suku kaum daripada Norway, Sweden dan Denmark
- Merompak dan mengancam pusat-pusat pemerintahan

Apakah tindakan lain yang dilakukan oleh orang Viking?

- A Menakluk
- B Memungut cukai
- C Melakukan penterjemahan
- D Membina bangunan tinggi

18

Kuasa Barat mengimport buruh dari negara lain untuk menjadi tenaga kerja bagi keperluan kegiatan ekonomi komersial.

Apakah kesan maklumat di atas kepada pemerintah di Tanah Melayu selepas merdeka?

- A Perkahwinan campur
- B Perlombongan merosot
- C Perindustrian tidak berkembang
- D Masalah perpaduan kaum

19

Lebihan Pengeluaran Masyarakat Melayu

- Kenduri kendara
- Bertukar barang
- Membayar zakat dan hadiah

Selain daripada kegunaan di atas, masyarakat Melayu menggunakan lebihan hasil untuk tujuan

- A menjual
- B membayar cukai
- C dieksport ke luar negara
- D kelangsungan bekalan makanan

20 Mengapakah masyarakat Melayu tidak berminat tinggal di bandar-bandar baru?

- A Takut berlaku perselisihan dengan orang Cina
- B Terikat dengan perkampungan di persisir sungai
- C Terlibat dengan perlombongan bijih timah
- D Infrastruktur di kampung yang lengkap

21

- Akta Kampung Ulu Burma 1887
- Akta Perkampungan Burma 1889

Apakah kesan daripada pengenalan akta di atas ?

- A Menghapuskan kuasa raja
- B Menyingkirkan golongan pemberontak
- C Menghapuskan golongan agama
- D Melenyapkan pentadbiran tradisional

22 Apakah perubahan pentadbiran yang diperkenalkan bagi mengekalkan kemerdekaan di Thailand?

- I Mengamalkan dasar anti Cina
- II Melibatkan peribumi dalam ekonomi
- III Memperkenalkan birokrasi Barat
- IV Memperkenalkan raja berperlembagaan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

23

Pada bulan Mei 1928, kumpulan petani telah menyerang bangunan kerajaan di Kuala Berang dan berjaya mendudukinya.

Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah yang menjadi punca serangan tersebut ?

- A British menghapuskan kuasa pembesar negeri
- B British merampas hasil pertanian penduduk
- C Penduduk mahu mengusir British dari Terengganu
- D Penduduk menentang undang-undang tanah British

24 Hukum Kanun Melaka merupakan sumber undang-undang bertulis Zaman Kesultanan Melaka. Antara berikut yang manakah perkara yang terdapat dalam kanun tersebut?

- I Bidang kuasa raja dan pembesar
 - II Undang-undang keluarga
 - III Undang-undang jenayah di kapal
 - IV Bidang kuasa nakhoda kapal
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


25 Antara berikut, yang manakah bukti kedaulatan berada di tangan rakyat dalam sistem pemerintahan berasaskan Adat Pepatih di Negeri Sembilan?

- I Perlantikan pemimpin dibuat daripada bawah
 - II Penentuan pelantikan Yang Dipertuan Besar oleh rakyat
 - III Rakyat berhak memecat Yang Dipertuan Besar
 - IV Keputusan Yang Dipertuan Besar hasil rundingan dengan Undang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

26 Apakah faktor yang menyebabkan British memperkenalkan Malayan Union di Tanah Melayu?

- A Membanteras ancaman komunis
- B Mendapatkan sokongan orang Melayu
- C Memantapkan kuasa politik orang Melayu
- D Menyediakan asas berkerajaan sendiri

27



Mengapakah British melaksanakan Sistem Ahli di Tanah Melayu

- A Meningkatkan taraf hidup
 - B Mengukuhkan penjajahan British
 - C Mendapat sokongan orang Dagang
 - D Mengurangkan tekanan Parti Komunis Malaya
- 28 Pada tahun 1951, Dato' Onn Ja'afar dikecam hebat oleh ahli-ahli UMNO. Mengapa?
- A Membina pakatan dengan kaum bukan Melayu
 - B Menyokong syarat kerakyatan jus soli
 - C Cadangan membuka keahlian UMNO kepada bukan Melayu
 - D Cubaan membubarkan parti UMNO
- 29 Apakah kesan penubuhan Malaysia terhadap rantau Asia Tenggara?
- A Mewujudkan kestabilan politik
 - B Melahirkan kerjasama ketenteraan
 - C Menggeratkan hubungan antara negara
 - D Mengelakkan campur tangan kuasa asing
- 30
- ```
graph LR; A["• UMNO
• MCA"] --> B["PAKATAN MURNI"]
```
- Apakah matlamat yang ingin dicapai melalui pakatan di atas?
- A Kerjasama politik
  - B Mengusir penjajah
  - C Menuntut kemerdekaan segera
  - D Kerakyatan secara naturalisasi
- 31 Rundingan diadakan di King House, Kuala Lumpur pada bulan Julai 1950. Mengapakah rundingan tersebut diadakan?
- A Penentuan pilihanraya
  - B Pelaksanaan Sistem Ahli
  - C Membincangkan kemerdekaan
  - D Menyelesaikan masalah perpaduan

32

- Persidangan Kebangsaan
- Konvensyen Kebangsaan

Apakah persamaan peristiwa di atas?

- A Menuntut kemerdekaan
- B Mewujudkan kerjasama politik
- C Mengadakan kerjasama ekonomi
- D Mendesak diadakan pilihan raya

33 Proses dekolonisasi British terhadap negeri-negeri kecil telah dilaksanakan melalui penubuhan Malaysia.

Apakah matlamat proses tersebut?

- A Penubuhan tentera
- B Penguasaan pasaran
- C Peningkatan pelaburan
- D Pemberian kemerdekaan

34 Tarikh pembentukan Malaysia terpaksa ditunda daripada 31 Ogos 1963 ke 16 September 1963 kerana

- I Tentangan daripada Indonesia dan Filipina
- II Laporan PBB tidak dapat disiapkan
- III Brunei telah menarik diri
- IV Tekanan pihak komunis

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

35 Apakah maksud Raja Berpelembagaan?

- A Raja sebagai pemerintah berkuasa mutlak
- B Raja mengikut nasihat Majlis Raja-Raja
- C Raja mengikut kehendak Parlimen
- D Raja mengikut peruntukan perlembagaan Negara

36 Manakah antara berikut boleh dikaitkan dengan jawatan Senator?

- A Dipilih melalui pilihanraya
- B Dilantik oleh Perdana Menteri
- C Dilantik oleh Yang Di-Pertuan Agong
- D Menyandang jawatan selama lima tahun

37

- Diadakan dua tahun sekali
- Menggerakkan perpaduan antara kaum
- Menggerakkan hubungan antara negeri

Kenyataan di atas adalah berkaitan dengan

- A MSSM  
B SUKMA  
C OLIMPIK  
D SUKAN SEA
- 38 Kemajuan Bersepadu bermaksud Malaysia akan menjadi sebuah industri yang maju pada tahun 2020 berteraskan:
- I Ketinggian taraf hidup  
II Kepelbagaian sektor ekonomi  
III Kemajuan sektor ekonomi  
IV Kekuahan sistem kerajaan
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 39 Halatuju Dasar Luar Malaysia pada zaman Tunku Abdul Rahman adalah
- A Pro- Barat  
B Berkecuali  
C Pro-Komunis  
D Pro-Sosialis
- Perubahan yang menjadikan dunia tanpa sempadan yang disebabkan oleh kepesatan perkembangan teknologi
- 40 Maklumat di atas merujuk kepada,
- A K-ekonomi  
B Globalisasi  
C K-masyarakat  
D Koridor Raya Multimedia

**KERTAS SOALAN TAMAT**

## **PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK SPM 2012**

**ANJURAN  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH-SEKOLAH MALAYSIA  
(KEDAH)**

---

---

## **PERATURAN PEMARKAHAN SEJARAH 1249/1**

---

---

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK SPM 2012**  
**SEJARAH KERTAS 1 (1249/1)**

|    |   |    |   |
|----|---|----|---|
| 1  | C | 21 | D |
| 2  | D | 22 | D |
| 3  | C | 23 | D |
| 4  | A | 24 | A |
| 5  | A | 25 | B |
| 6  | A | 26 | D |
| 7  | C | 27 | D |
| 8  | A | 28 | C |
| 9  | A | 29 | A |
| 10 | B | 30 | A |
| 11 | B | 31 | B |
| 12 | C | 32 | B |
| 13 | A | 33 | D |
| 14 | D | 34 | A |
| 15 | C | 35 | D |
| 16 | B | 36 | C |
| 17 | A | 37 | B |
| 18 | D | 38 | B |
| 19 | D | 39 | A |
| 20 | B | 40 | B |

NO. KAD PENGENALAN  - ANGKA GILIRAN **PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK SPM 2012****1249/2****SEJARAH****Kertas 2****Ogos****2012**

2 ½ jam

Dua jam tiga puluh minit

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

- Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada petak yang disediakan.*
- Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
- Jawab semua soalan dalam Bahagian A dan tiga soalan dalam Bahagian B.*
- Jawapan Bahagian A hendaklah ditulis di dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.*
- Jawapan Bahagian B hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan.*
- Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama dengan kertas jawapan Bahagian B.*
- Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*

| Untuk Kegunaan Pemeriksa |        |              |                  |
|--------------------------|--------|--------------|------------------|
| Bahagian                 | Soalan | Markah Penuh | Markah Diperoleh |
| A                        | 1      | 10           |                  |
|                          | 2      | 10           |                  |
|                          | 3      | 10           |                  |
|                          | 4      | 10           |                  |
| B                        | 5      | 20           |                  |
|                          | 6      | 20           |                  |
|                          | 7      | 20           |                  |
|                          | 8      | 20           |                  |
|                          | 9      | 20           |                  |
| Jumlah                   |        |              |                  |

Kertas soalan ini mengandungi 7 halaman bercetak

[Lihat halaman sebelah]

**Bahagian A**

[40 markah]

**Jawab semua soalan**

- 1 Kedatangan Islam telah meningkatkan mutu bahasa dan kesusasteraan Melayu.

- (a) Senaraikan dua peranan tulisan jawi.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

- (b) Senaraikan dua istilah bahasa Arab yang digunakan dalam bahasa Melayu.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

- (c) Namakan bentuk sastera Islam yang mempengaruhi kesusasteraan Melayu.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

- (d) Senaraikan dua kesan kedatangan Islam ke atas bahasa Melayu.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]


- (e) Berdasarkan pengetahuan anda, apakah usaha yang boleh dilakukan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

2



- (a) Berdasarkan maklumat di atas, apakah yang anda faham dengan Zaman Gelap di Eropah?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

- (b) Jelaskan ciri-ciri Zaman Gelap di Eropah.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

- (c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, jelaskan persamaan sistem feudal di antara Eropah dengan zaman Kesultanan Melayu Melaka.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

- (d) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk meningkatkan pencapaian negara dalam bidang berikut:

Ekonomi

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

Ilmu pengetahuan

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

3 Idea pembentukan Malaysia telahpun dikemukakan sejak awal abad ke-19.

- (a) Namakan negeri-negeri yang dicadangkan oleh Sir Malcolm MacDonald untuk digabungkan dengan Persekutuan Tanah Melayu.
- (i) .....
- (ii) .....
- [2 markah]
- (b) Pada pandangan anda, mengapakah Tunku Abdul Rahman tidak bersetuju dengan cadangan Lee Kuan Yew untuk menggabungkan hanya Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu ?
- (i) .....
- (ii) .....
- [2 markah]
- (c) Apakah harapan Tunku Abdul Rahman terhadap gagasan Malaysia ?
- (i) .....
- (ii) .....
- [2 markah]
- (d) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah British memberikan kerjasama dalam proses pembentukan Malaysia ?
- (i) .....
- (ii) .....
- [2 markah]
- (e) Bagaimanakah konsep 1 Malaysia boleh menyumbang kepada kemajuan negara ?
- (i) .....
- (ii) .....
- [2 markah]

4 (a) Nyatakan dua cadangan daripada Laporan Barnes 1950.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(b) Mengapakah Laporan Barnes ditentang oleh orang-orang Cina?

.....

[1 markah]

(c) Nyatakan dua cadangan Penyata Razak.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(d) Pada pendapat anda apakah ciri-ciri warganegara Malaysia yang ingin dilahirkan melalui Falsafah Pendidikan Kebangsaan ?

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

(e) Berikan cadangan anda untuk menjadikan pendidikan di Malaysia bertaraf dunia.

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

[3 markah]

**Bahagian B**

[60 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

- 5 Menurut sumber China dan India, kerajaan Kedah Tua dan Srivijaya terkenal kerana mempunyai pelabuhan entrepot.
- (a) Jelaskan faktor-faktor yang menjadikan Kedah Tua sebuah pelabuhan entrepot yang terkenal. [8 markah]
- (b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah yang boleh kita contoh daripada kerajaan Srivijaya dalam bidang maritim? [6 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah cara untuk menarik minat generasi muda mencebur ke bidang perdagangan? [6 markah]
- 6 Pembentukan kerajaan Islam di Madinah pada tahun 622 M telah menimbulkan perasaan iri di kalangan orang Arab Quraisy.
- (a) Jelaskan strategi yang digunakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. untuk memperkuatkan kedudukan negara Islam. [8 markah]
- (b) Berdasarkan pengetahuan anda, nyatakan prinsip perperangan mengikut ajaran Islam. [6 markah]
- (c) Pada pendapat anda, apakah langkah yang sewajarnya anda lakukan untuk mempertahankan kedaulatan negara. [6 markah]
- 7 Gerakan nasionalisme merupakan usaha masyarakat tempatan menentang apa saja bentuk tekanan atau penjajahan terhadap mereka oleh kuasa luar.
- (a) Nyatakan faktor-faktor pemangkin nasionalisme di Tanah Melayu pada awal abad ke -20. [8 markah]
- (b) Terangkan tujuan penubuhan persatuan-persatuan Melayu pada awal abad ke -20. [7 markah]
- (c) Andaikan anda adalah pejuang kemerdekaan, apakah yang akan anda lakukan bagi membangkitkan nasionalisme di negara kita. [5 markah]

- 8 (a) Terangkan warisan Kesultanan Melayu Melaka yang diamalkan di negeri-negeri Melayu. [6 markah]
- (b) Nyatakan unsur-unsur demokrasi dalam sistem pemerintahan berdasarkan Adat Perpatih di Negeri Sembilan? [8 markah]
- (c) Pada pandangan anda, mengapakah institusi beraja negara kita perlu dihormati? [6 markah]
- 9 (a) Terangkan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya Perang Dunia Pertama. [6 markah]
- (b) Berdasarkan pengetahuan anda, apakah kesan buruk peperangan kepada dunia? [6 markah]
- (c) (i) Anda merupakan salah seorang pemimpin utama dunia, jelaskan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk mengelakkan peperangan. [4 markah]
- (ii) Cadangkan langkah-langkah yang boleh dilakukan untuk meningkatkan kesejahteraan hidup di Malaysia? [4 markah]

**KERTAS SOALAN TAMAT**

## **PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK SPM 2012**

**ANJURAN  
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH-SEKOLAH MALAYSIA  
(KEDAH)**

---

---

## **PERATURAN PEMARKAHAN SEJARAH 1249/2**

---

---

**PANDUAN PEMERIKSAAN  
SEJARAH KERTAS 2  
PERCUBAAN SPM 2012**

**Bahagian A (Soalan Struktur)**

1. Setiap soalan diperuntukan 10 markah.
2. Cara penandaan dengan menanda ( $\checkmark$ ) pada setiap isi atau point.  
Contoh : Soalan 1a – Mengapakah orang Islam bercadang untuk menziarahi \ kota Makkah. (2 markah)
  - F1 - Terletaknya Kaabah  $\checkmark$  1
  - F2 - Kaabah menjadi pusat ibadat bagi orang Islam  $\checkmark$  1
  - F3 - Makkah tempat asal bagi orang Muhajirin  $\checkmark$  1

**(MARKAH MAKSIMUM DIPERUNTUKAN 2 MARKAH WALAUPUN PELAJAR MEMBERIKAN LEBIH DARIPADA 2 ISI )**

**Bahagian B (Soalan Esei)**

1. Calon mesti menjawab dalam **bentuk eseи (karangan)**. Jawapan dalam bentuk nota diberi markah setengah daripada markah yang diperuntukkan.
2. Tanda / dalam skima bermakna pilihan (ambil satu sahaja) dan beri markah.
3. Pastikan setiap fakta (F), atau huraihan (H) atau Contoh (C) **diberi markah sekali sahaja**.
4. Gunakan **simbol-simbol penandaan yang seragam** dan selaras seperti tanda  $\checkmark$ ,  
(\_\_\_\_\_ ) untuk isi yang diterima dan diberi markah.
5. Gunakan juga **perkataan yang sesuai dengan kesalahan** seperti jawapan kabur, tidak berkaitan, terpesong dan lain-lain yang berkaitan.
6. **Markah kecil** (bagi pecahan soalan a, b, c) ditulis dibawah bawah setiap soalan seperti soalan 5a) **6//**
7. **Jumlah markah bagi tiap-tiap soalan ditulis di bawah sekali dan digelungkan, contohnya 16.**
8. Jumlah markah daripada setiap soalan yang diperiksa hendaklah juga diisi di dalam borang markah yang dilampirkan.
9. Untuk mengelakkan kesilapan menjumlah markah, buatlah rumusan dibawah bawah setiap soalan.

Contoh: soalan **5** a) **5 + 5**b) **5 + 5**c) **6 = 16**

10. Markah penuh ditulis di bahagian atas hadapan dan digelungkan 60.
11. Tuliskan jumlah soalan dijawab kalau soalan kurang daripada empat. Tuliskan RUBRIC kalau tidak mengikut arahan kertas soalan (Jawab lebih daripada 3 soalan dalam bahagian B).
12. Perkiraan peratus:

$$\frac{\text{Jumlah markah Kertas 1}(40) + \text{Jumlah markah Kertas 2}(100)}{140} \times 100 = \% \text{ Markah}$$

13. Peratus markah disesuaikan dengan grading yang ditetapkan oleh JPN.

## UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

| Soalan | Butiran                                                                                                                        |                                                                  | Markah |
|--------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------------------------|--------|
| 1(a)   | Senaraikan dua peranan tulisan jawi.                                                                                           |                                                                  |        |
|        | F1                                                                                                                             | Tulisan rasmi dalam pentadbiran                                  | 1      |
|        | F2                                                                                                                             | Membaca                                                          | 1      |
|        | F3                                                                                                                             | Menulis                                                          | 1      |
|        | F4                                                                                                                             | Penterjemahan hasil kesusasteraan                                | 1      |
|        | F4                                                                                                                             | Penterjemaham karya agama                                        | 1      |
|        | F6                                                                                                                             | Tulisan pada batu nisan                                          | 1      |
|        |                                                                                                                                |                                                                  | [2m]   |
| 1(b)   | Senaraikan dua istilah bahasa Arab yang digunakan dalam bahasa Melayu                                                          |                                                                  |        |
|        | F1                                                                                                                             | Sultan                                                           | 1      |
|        | F2                                                                                                                             | Syukur                                                           | 1      |
|        | F3                                                                                                                             | Masjid                                                           | 1      |
|        | F4                                                                                                                             | Berkat                                                           | 1      |
|        | F5                                                                                                                             | Alam                                                             | 1      |
|        |                                                                                                                                | (Mana-mana jawapan munasabah)                                    | [2m]   |
| 1(c)   | Namakan bentuk sastera Islam yang mempengaruhi kesusasteraan Melayu.                                                           |                                                                  |        |
|        | F1                                                                                                                             | Syair                                                            | 1      |
|        | F2                                                                                                                             | Gurindam                                                         | 1      |
|        | F4                                                                                                                             | Nazam                                                            | 1      |
|        | F4                                                                                                                             | Cerita hikayat                                                   | 1      |
|        |                                                                                                                                |                                                                  | [2m]   |
| 1(d)   | Senaraikan dua kesan kedatangan Islam ke atas bahasa Melayu.                                                                   |                                                                  |        |
|        | F1                                                                                                                             | Istilah bahasa Arab telah digunakan dalam bahasa Melayu          | 1      |
|        | F2                                                                                                                             | Bahasa linqua-franca                                             | 1      |
|        | F3                                                                                                                             | Bahasa ilmu                                                      | 1      |
|        | F4                                                                                                                             | Lebih mantap                                                     | 1      |
|        | F5                                                                                                                             | Cerita panji disampaikan dalam bahasa Melayu                     | 1      |
|        | F6                                                                                                                             | Bahasa istana                                                    | 1      |
|        | F7                                                                                                                             | Bahasa surat menyurat                                            | 1      |
|        | F8                                                                                                                             | Bahasa perhubungan antara wilayah                                | 1      |
|        | F9                                                                                                                             | Bahasa untuk berdakwah                                           | 1      |
|        | F10                                                                                                                            | Bahasa untuk pengajaran/pembelajaran                             | 1      |
|        | F11                                                                                                                            | Bahasa perantaraan di kalangan para pedagang                     | 1      |
|        |                                                                                                                                |                                                                  | [2m]   |
| 1(e)   | Berdasarkan pengetahuan anda, apakah usaha yang boleh dilakukan untuk memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa antarabangsa. |                                                                  |        |
|        | F1                                                                                                                             | Mengadakan pertandingan pidato bahasa Melayu                     | 1      |
|        | F2                                                                                                                             | Mewujudkan kursus bahasa Melayu di IPTA/IPTS                     | 1      |
|        | F3                                                                                                                             | Memberi biasiswa kepada pelajar luar untuk belajar bahasa Melayu | 1      |
|        | F4                                                                                                                             | Menganjurkan pameran tentang bahasa Melayu                       | 1      |
|        | M                                                                                                                              | (Mana-mana jawapan munasabah)                                    | [2m]   |

| Soalan | Butiran                                                                                                                                       |                                                                      | Markah    |
|--------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------|-----------|
| 2(a)   | Berdasarkan maklumat di atas, apakah yang anda faham dengan Zaman Gelap di Eropah?                                                            |                                                                      |           |
|        | F1                                                                                                                                            | Zaman mundur                                                         | 1         |
|        | F2                                                                                                                                            | Peringkat awal Zaman Pertengahan                                     | 1         |
|        | F3                                                                                                                                            | Kejatuhan empayar Rom                                                | 1         |
|        | F4                                                                                                                                            | Kemerosotan ilmu pengetahuan                                         | 1         |
|        | F4                                                                                                                                            | Kemerosotan perdagangan                                              | 1         |
|        | F6                                                                                                                                            | Kemerosotan kehidupan perbandaran                                    | 1         |
|        | F7                                                                                                                                            | Tiada pentadbiran pusat yang berkesan                                | 1         |
|        | M                                                                                                                                             | (Mana-mana jawapan munasabah)<br>[Jawapan di bahagian 2(b) diterima] | 1<br>[2m] |
| 2(b)   | Jelaskan ciri-ciri Zaman Gelap di Eropah.                                                                                                     |                                                                      |           |
|        | F1                                                                                                                                            | Kejatuhan empayar Rom                                                | 1         |
|        | F2                                                                                                                                            | Kemusnahan kuasa pusat yang mentadbir wilayah                        | 1         |
|        | F3                                                                                                                                            | Kemerosotan ilmu pengetahuan                                         | 1         |
|        | F4                                                                                                                                            | Kemerosotan perdagangan                                              | 1         |
|        | F5                                                                                                                                            | Kemerosotan kehidupan perbandaran                                    | 1         |
|        | F6                                                                                                                                            | Tiada pentadbiran pusat yang berkesan                                | 1         |
|        | F7                                                                                                                                            | Kemunculan golongan baron (tuan tanah)                               | 1         |
|        | F8                                                                                                                                            | Petani mendapatkan perlindungan daripada tuan tanah                  | 1         |
|        | F9                                                                                                                                            | Petani membayar cukai yang tinggi kepada tuan tanah                  | 1         |
|        | F10                                                                                                                                           | Petani yang tidak mampu terpaksa menyerahkan tanah kepada tuan tanah | 1         |
|        | F11                                                                                                                                           | Petani ini terpaksa menjadi hamba                                    | 1         |
|        | F12                                                                                                                                           | Tuan tanah mendapatkan perlindungan daripada raja                    | 1         |
|        | F13                                                                                                                                           | Tuan tanah berkhidmat / membayar cukai kepada raja                   | 1         |
|        | F14                                                                                                                                           | Gereja Khatolik amat berkuasa                                        | 1         |
|        | F15                                                                                                                                           | Fokus gereja kepada amalan agama                                     | 1         |
|        | F16                                                                                                                                           | Fokus gereja kepada ilmu keakhiran                                   | 1         |
|        | F17                                                                                                                                           | Gereja dianggap mengongkong kehidupan akhirat                        | 1         |
|        | F18                                                                                                                                           | Perdagangan tidak meluas                                             | 1         |
|        | F19                                                                                                                                           | Sering digangu oleh serangan orang-orang gasar (Viking / Magyar)     | 1         |
|        | F20                                                                                                                                           | Tidak dapat berdagang ke Timur Jauh kerana dikuasai orang Islam      | 1         |
|        | F21                                                                                                                                           | Terpaksa tumpukan ekonomi pertanian                                  | 1         |
|        | F22                                                                                                                                           | Perniagaan melalui sistem tukaran barang / sistem barter             | 1         |
|        | M                                                                                                                                             | (Mana-mana jawapan munasabah)                                        | 1<br>[2m] |
| 2(c)   | Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, jelaskan persamaan sistem feudal yang pernah diamalkan di Eropah dengan zaman Kesultanan Melayu Melaka. |                                                                      |           |
|        | F1                                                                                                                                            | Raja memiliki tanah secara mutlak                                    | 1         |
|        | F2                                                                                                                                            | Raja mempunyai pembesar yang mendapatkan naungan daripada raja       | 1         |
|        | F3                                                                                                                                            | Raja sebagai penaung                                                 | 1         |
|        | F4                                                                                                                                            | Pembesar memberi khidmat kepada raja                                 | 1         |
|        | F5                                                                                                                                            | Rakyat biasa memberi khidmat kepada tuan tanah                       | 1         |
|        | F6                                                                                                                                            | Terdapat golongan hamba                                              | 1         |
|        | F7                                                                                                                                            | Petani mendapat perlindungan daripada tuan tanah                     | 1         |
|        | F8                                                                                                                                            | Tuan tanah mendapat perlindungan daripada raja                       | 1         |
|        | F9                                                                                                                                            | Tuan tanah dikehendaki beri khidmat kepada raja                      | 1         |
|        | F10                                                                                                                                           | Tuan tanah membayar cukai kepada raja                                | 1<br>[2m] |

|      |                                                                                                                        |                                                                                                                                                                                                                                                                            |                                              |
|------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------|
| 2(d) | Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk meningkatkan pencapaian negara dalam bidang berikut. |                                                                                                                                                                                                                                                                            |                                              |
|      | Ekonomi                                                                                                                |                                                                                                                                                                                                                                                                            |                                              |
| (i)  | F1<br>F2<br>F3<br>F4<br>F5<br>F6<br>F7<br>M                                                                            | Meningkatkan peluang pekerjaan<br>Menarik pelaburan asing<br>Menyediakan bantuan modal / pinjaman<br>Penggunaan sumber yang maksima<br>Memajukan pertanian<br>Memajukan sektor pelancongan<br>Meningkatkan teknologi<br>(Mana-mana jawapan munasabah)                      | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[2m] |
|      | Ilmu pengetahuan                                                                                                       |                                                                                                                                                                                                                                                                            |                                              |
| (ii) | F1<br>F2<br>F3<br>F4<br>F5<br>F6<br>F7<br>F8                                                                           | Menyediakan pelbagai prasarana / kemudahan<br>Meningkatkan peruntukan kerajaan untuk pendidikan<br>Pendidikan percuma<br>Pembelajaran melalui ICT<br>Pembelajaran sepanjang hayat<br>Menggalakkan masyarakat membaca<br>Mengadakan kempen<br>(Mana-mana jawapan munasabah) | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>[2m] |

| Soalan | Butiran                                                                                                                                                             |                                                          | Markah |
|--------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------|--------|
| 3(a)   | Namakan negeri-negeri yang dicadangkan oleh Sir Malcolm MacDonald untuk digabungkan dengan Persekutuan Tanah Melayu                                                 |                                                          |        |
|        | F1                                                                                                                                                                  | Sarawak                                                  | 1      |
|        | F2                                                                                                                                                                  | Sabah                                                    | 1      |
|        | F3                                                                                                                                                                  | Singapura                                                | 1      |
|        | F4                                                                                                                                                                  | Brunei                                                   | 1      |
|        |                                                                                                                                                                     |                                                          | [2m]   |
| 3(b)   | Pada pandangan anda, mengapakah Tunku Abdul Rahman tidak bersetuju dengan cadangan Lee Kuan Yew untuk menggabungkan hanya Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu |                                                          |        |
|        | F1                                                                                                                                                                  | Berlaku ketidakseimbangan penduduk                       | 1      |
|        | F2                                                                                                                                                                  | Penduduk Cina akan melebihi penduduk Melayu              | 1      |
|        | F3                                                                                                                                                                  | Meningkatkan semangat perkauman                          | 1      |
|        | F4                                                                                                                                                                  | Ekonomi akan dikuasai oleh orang China                   | 1      |
|        |                                                                                                                                                                     |                                                          | [2m]   |
| 3(c)   | Apakah harapan Tunku Abdul Rahman terhadap gagasan Malaysia                                                                                                         |                                                          |        |
|        | F1                                                                                                                                                                  | Kedudukan politik yang lebih kukuh                       | 1      |
|        | F2                                                                                                                                                                  | Malaysia akan disegani di rantau ini                     | 1      |
|        | F3                                                                                                                                                                  | Kerjasama dalam bidang ekonomi dapat diwujudkan          | 1      |
|        | F4                                                                                                                                                                  | Kerjasama sosial dapat ditingkatkan                      | 1      |
|        |                                                                                                                                                                     |                                                          | [2m]   |
| 3(d)   | Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, mengapakah British bersetuju dengan pembentukan Malaysia                                                                      |                                                          |        |
